

**PANDUAN PENGGUNAAN GERAN BAGI TUJUAN  
PERSIDANGAN, LAWATAN AKADEMIK DAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DI PERINGKAT  
ANTARABANGSA**

**Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan (PPGP)  
Jabatan Pengurusan Penyelidikan (JPP), Universiti Malaya**

## **1. TUJUAN**

Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada penyelidik Universiti Malaya berkaitan penggunaan dana geran penyelidikan bagi tujuan persidangan, lawatan akademik, kerja lapangan dan aktiviti berkaitan di peringkat antarabangsa selaras dengan Surat Arahan Kawalan Perbelanjaan Universiti Malaya bertarikh 20 April 2026 – Pematuhan kepada Arahan Penjimatan dan Kawalan Perbelanjaan Awam Universiti Awam serta pematuhan kepada syarat dan peraturan penaja geran.

## **2. PENGGUNAAN GERAN BAGI TUJUAN PERSIDANGAN / KONFERENS**

### **2.1 Geran Dalaman Universiti**

Penggunaan geran dalaman Universiti Malaya bagi tujuan menghadiri persidangan, seminar, simposium dan aktiviti antarabangsa secara fizikal adalah **TIDAK DIBENARKAN** buat masa ini. Walau bagaimanapun, penyertaan secara HYBRID iaitu persidangan antarabangsa yang dihadiri secara **ONLINE** adalah **DIBENARKAN**.

Contoh geran yang terlibat termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Geran RU
- Universiti Malaya Research Excellence Grant (UMREG)
- Impact Oriented Interdisciplinary Research Grant (IIRG)
- UMG
- Geran Dalaman Fakulti/PTJ
- Geran khas di bawah portfolio UM/JPP/TNCPI

### **2.2 Geran Kerajaan**

Penggunaan geran kerajaan bagi tujuan menghadiri persidangan antarabangsa secara fizikal adalah **TIDAK DIBENARKAN** buat masa ini. Walau bagaimanapun, penyertaan secara HYBRID iaitu persidangan antarabangsa yang dihadiri secara **ONLINE** adalah **DIBENARKAN**.

Contoh geran yang terlibat termasuk:

- Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)
- Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS)
- Long Term Research Grant Scheme (LRGS)

- Prototype Research Grant Scheme (PRGS)
- *Research Maintenance Fee* (RMF)

### **2.3 Geran Swasta / Industri / Antarabangsa**

Penggunaan dana bagi tujuan persidangan antarabangsa adalah **DIBENARKAN**, tertakluk kepada:

- syarat dan peraturan penaja geran;
- peruntukan yang mencukupi; dan
- Kelulusan pihak universiti.

Antara jenis geran/dana yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- Geran industri/*private*
- Geran antarabangsa
- Geran kerjasama luar negara
- Dana hasil konsultansi tertakluk kepada syarat kewangan universiti
- Dana lain yang tidak menggunakan peruntukan Kerajaan/RMF serta mendapat kelulusan universiti.

### **3. AKTIVITI KERJA LAPANGAN (*FIELD TRIP*) DAN PENGUMPULAN DATA DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

Bagi aktiviti penyelidikan yang melibatkan:

- kerja lapangan (*field work*),
- pengumpulan data,
- lawatan tapak (*site visit*),
- lawatan penyelidikan,
- eksperimen,
- aktiviti komuniti,
- pemantauan projek,
- aktiviti jaringan (*networking*) penyelidikan yang berkaitan secara langsung dengan output projek,

Penggunaan geran kerajaan seperti FRGS, TRGS dan geran berkaitan adalah **DIPERTIMBANGKAN**, tertakluk kepada:

- justifikasi yang jelas;
- berkaitan secara langsung dengan objektif penyelidikan;
- pematuhan syarat penaja geran;
- kelulusan universiti.

#### 4. PENGGUNAAN GERAN RMF

Penggunaan dana RMF bagi tujuan persidangan, seminar, konferens atau aktiviti antarabangsa secara fizikal adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Walau bagaimanapun, penyertaan secara HYBRID iaitu persidangan antarabangsa yang dihadiri secara **ONLINE** adalah **DIBENARKAN**, tertakluk kepada pekeliling dan syarat semasa universiti.

#### 5. KES-KES KHAS

Bagi kes-kes khas atau perkara yang tidak dinyatakan dalam panduan ini, pertimbangan lanjut hendaklah dirujuk kepada pihak universiti, iaitu:

- dikemukakan kepada PPGP untuk semakan lanjut; dan/atau
- dirujuk kepada pihak TNCPI untuk pertimbangan khas.

Sebarang pertanyaan - link to google form: [ENQUIRIES RELATED TO CONFERENCES AND FIELDWORK ACTIVITIES](#)

#### 6. TARIKH KUAT KUASA

Panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh pemakaiannya sehingga terdapat pemakluman atau arahan baharu daripada pihak Universiti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

#### 7. MAKLUMAT PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI:

Bahagian / Unit	Perkara	Pegawai Bertanggungjawab	Emel
Bahagian Kewangan TNC P&I	Financial Report / RMF	Nur Liyana	liyanaalias@um.edu.my
		Nurul Hamizah	hamizah@um.edu.my
Pejabat Pengarah Eksekutif, Jabatan Pengurusan Penyelidikan (JPP)	General Matters	Suhaimi	sumi@um.edu.my
		Nor Azura	azurataib@um.edu.my
	Page Charge (Application / Approval)	Mahfuzah	mahfuzahmdyasin@um.edu.my
	Approval for JK ICT (Application / Approval)	Aiza Zilla	aizazilla@um.edu.my
		Mohd Farhan	frhan@um.edu.my
Research Assistant / Graduate Assistant	Mohd Hafizul Asraf	hafizul_asraf@um.edu.my	

	(Appointment / Extension / Increment / Termination)	Zuraidah	aida_z@um.edu.my
Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan (PPGP)	General Matters	Azizon	azizon@um.edu.my
Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan (PPGP) – Pre-Award Matters	UM Internal Grants / MOSTI Grants	Yanti Norima	yantinorima@um.edu.my
		Mohd Rizuwan	mr.rizuwan@um.edu.my
	MOHE Grants / Government Agency	Nuratiqah	tqanorpi@um.edu.my
		Siti Halijah	sitihalijahahmad@um.edu.my
	Private / Industry Grant / UM Matching Grant (UMG) Private	Mushira	mushira@um.edu.my
		Khadijah	khat@um.edu.my
	International Grant / Dana Padanan Antarabangsa (MyPAIR) / UM Matching Grant International	Haryana Rozana	hrozana@um.edu.my
		Zuraidah	azureen@um.edu.my
PPGP – Post-Award Matters	AI for Medicine Research Grant Scheme / Geran Penyelidikan UM (UMRG) / Impact Oriented Interdisciplinary Research Grant (IIRG) / Government Agency / Faculty Research Programme / University Malaya Grant	Khasmidatul Akma	akma_khasmi@um.edu.my
		Noor Aini	nooraini68@um.edu.my
	MOST Grant / Other MOHE Grant (HiCoE) / RU Grant / UM Global Transformation	Norazkifni Faizura	norazkifnifaizura@um.edu.my
		Melur Syahmina	syahmina@um.edu.my

Research Grant (UMGTR) / University Malaya Research Excellence Grant (UMREG)	Norshida Binti Abdul Manan	norshida79@um.edu.my
Fundamental / Prototype / Long Term / Trans-Disciplinary Research Scheme (FRGS/PRGS/LRGS/TRGS) / Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB) / Malaysian Research University Network (MRUN)	Sharifah Nurnadia	shnurnadia@um.edu.my
	Muhamad Firdaus	mrfirdaus@um.edu.my
	Suhailah	sue@um.edu.my
	Zuraini Zainal Abidin	ezzura@um.edu.my
Bantuan Khas Penyelidikan (BKP Special) / University Malaya Translational Research Grant (UMTRG) / University Research Program – Research Cluster / Dept. of Research Synergy / UM-UCSI Matching Grant / Private Funding	Siti Hajar Mohd Roffeei	hajaroff@um.edu.my
	Nor Hadijah	dija@um.edu.my
International Grant / UM Matching Grant International / UM International Collaboration Grant / Dana Padanan Antarabangsa (MyPAIR)	Hairul Mardiah	mardiahamzah@um.edu.my
	Mohd Zafifi	mzm@um.edu.my
Hotline PPGP	+601116384467	

**Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan (PPGP)**

Universiti Malaya

Mei 2026